



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Setem (Pindaan dan Peluasan) 1988
DR.24/1988

bernama

[REDACTED]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Setem Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa pada (Pindaan dan Perluasan) 1988.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada

2. Seksyen 2 Ordinan Setem 1949, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan memotong takrif "appraisement";
- (b) dengan memotong takrif "charter-party";
- (c) dengan memotong takrif "Collector of Land Revenue";
- (d) dengan memotong takrif "currency of the Federation";

- (e) dengan menggantikan koma bertitik di hujung takrif "duly stamped" dengan noktah bertindih dan memasukkan proviso yang berikut kepada takrif itu:

"Provided that in the case of Sabah and Sarawak an official receipt for the proper amount may be affixed to any instrument in lieu of the stamp, and the instrument shall then be deemed to be duly stamped;"

- (f) dengan memotong takrif "instrument of partition";

- (g) dengan menggantikan perkataan-perkataan "in Great Britain or in Malaysia or in any other British possession" dalam takrif "marketable security" dengan perkataan-perkataan "in Malaysia or elsewhere";

- (h) dengan menggantikan takrif "money" dengan yang berikut:

"money" includes all sums whether expressed in the ringgit or in any other currency;"

- (i) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "mortgage" takrif baru yang berikut bagi "official receipt":

"official receipt" means a receipt issued by or on behalf of the Collector for payment of stamp duties;"

- (j) dengan memotong takrif "ship or chinchew's receipt";

- (k) dengan menggantikan takrif "stock" dengan yang berikut:

"stock" includes any share in the capital stock or funded debt of any corporation, company or society in Malaysia or elsewhere and any share in the stocks or funds of the Government of Malaysia or of any other Government or country; dan

- (l) dengan memotong takrif "warrant for goods".

3. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 3.

“Collector and Deputy Collectors of Stamp Duties. Act 53. 3. (1) The Director General of Inland Revenue referred to in section 134 (1) of the Income Tax Act 1967 shall be the Collector of Stamp Duties.

(2) The Minister of Finance may, by notification in the *Gazette*, appoint such number of Deputy Collectors of Stamp Duties as he thinks fit, for the purpose of carrying out the provisions of this Ordinance.”.

4. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 5A dengan yang berikut: Penggantian seksyen 5A.

“Loan and financing for the purposes of small business. 5A. Every instrument being the only or principal or primary security for the payment or repayment of—

(a) a loan to a small business; or

(b) moneys provided in financing a small business according to the shariah,

shall be indorsed by an authority approved by the Minister of Finance that the loan or the financing was made for the purposes of a small business.”.

5. Seksyen 7 Ordinan adalah dipinda—

Pindaan seksyen 7.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan noktah bertindih dan memasukkan proviso yang berikut kepada subseksyen itu:

“Provided that in the case of Sabah and Sarawak, the payment may be indicated by affixing an official receipt to such instrument.”; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(2) Where duty is required to be paid or indicated by means of an adhesive stamp, such stamp shall be a revenue stamp issued under this Ordinance for the payment of stamp duty, which, at the time the duty is to be paid or indicated, is a valid revenue stamp.”.

Pindaan
seksyen 9.

6. Seksyen 9 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “cheques” dalam baris keempat subseksyen (1) perkataan-perkataan “, any stockbroker to compound for the payment of duty on unstamped contract notes, and any insurer to compound for the payment of duty on unstamped policies of insurance,”;
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “cheques” dalam perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (1), dalam subseksyen (2), dalam baris kedua, keenam dan kelapan subseksyen (3), dan dalam nota birai perkataan-perkataan “, contract notes or policies of insurance”;
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “drawn” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dan dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “or drawn up”;
- (d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “banker” dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) subseksyen (1) dan dalam baris pertama dan keenam subseksyen (3) perkataan-perkataan “, stockbroker or insurer”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan “bank” dalam subseksyen (2) dan perkataan “banks” dalam nota birai masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “banker, stockbroker or insurer” dan perkataan-perkataan “bankers, stockbrokers or insurers”.

7. Bahagian II Ordinan adalah dipinda—

Pindaan
Bahagian II.

- (a) dengan memasukkan perkataan-perkataan "*Valuation for Duty*" sebelum sahaja seksyen 12A; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "*Valuation for Duty*" yang terdapat sebelum sahaja seksyen 13.

8. Seksyen 13 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "that of Malaysia" dan perkataan-perkataan "the currency of the Federation" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "ringgit".

Pindaan
seksyen 13.

9. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 14 seksyen baru 14A yang berikut:

Seksyen
baru 14A.

"Principal securities in shariah financing.

14A. Where it is shown that a principal or primary security secures the repayment of moneys provided under a scheme of financing made according to the shariah, duty chargeable thereon shall be calculated on the principal amount provided by the financier or financing body."

10. Seksyen 15 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "advocate and solicitor" dalam subseksyen (4) perkataan-perkataan ", or, in the case of Sabah and Sarawak, an advocate,".

Pindaan
seksyen 15.

11. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 15 seksyen baru 15A yang berikut:

Seksyen
baru 15A.

"Relief from stamp duty in case of transfer of property between associated companies.

15A. (1) Stamp duty under paragraph (a) or (b) of Item 32 in the First Schedule to this Ordinance shall not be chargeable on any instrument to which this section applies:

Provided that no such instrument shall be deemed to be duly stamped unless either it is stamped with the duty to which it would but

for this section be liable or it has been brought to the Collector under section 36 and he has certified under section 37 either that the full duty with which it is chargeable has been paid, or that it is not chargeable with duty.

(2) This section applies to any instrument with respect to which it is shown to the satisfaction of the Collector that the effect thereof is to transfer a beneficial interest in property from one company with limited liability to another such company, and that the companies in question are associated, that is to say, one is the beneficial owner of not less than ninety per centum of the issued share capital of the other, or that a third company with limited liability is the beneficial owner of not less than ninety per centum of the issued share capital of each of the aforesaid companies.

(3) The ownership referred to in subsection (2) is ownership either directly or through another company or other companies, or partly directly and partly through another company or other companies, and the Sixth Schedule shall apply for the purposes of this section.

(4) This section shall not apply to any instrument unless it is also shown to the satisfaction of the Collector that the instrument was not executed in pursuance of or in connection with an arrangement whereunder—

(a) the consideration, or any part of the consideration, for the transfer was to be provided or received, directly or indirectly, by a person other than a company which at the time of the execution of the instrument was associated within the meaning of this section with either the transferor or the transferee (meaning, respectively, the

company from whom and the company to whom the beneficial interest was transferred); or

- (b) the said interest was previously transferred, directly or indirectly, by such a person; or
- (c) the transferor and the transferee were to cease to be associated within the meaning of this section by reason of a change in the percentage of the issued share capital of the transferee in the beneficial ownership (within the meaning of this section) of the transferor or a third company,

and, without prejudice to the generality of paragraph (a), an arrangement shall be treated as falling within that paragraph if it is one whereunder the transferor or the transferee, or a company associated with either as there-mentioned, was to be enabled to provide any of the consideration, or was to part with any of it, by or in consequence of the carrying out of a transaction or transactions involving, or any of them involving, a payment or other disposition by a person other than a company so associated.”.

12. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 17 dengan yang berikut:

Penggantian seksyen 17.

“How transfer for debts, stocks, securities, future payments and further consideration to be charged.

17. (1) Where any property is transferred—

- (a) in consideration, wholly or in part, of any debt or of any stock or marketable security; or
- (b) subject, either certainly or contingently, to the payment or transfer of any money or stock, whether being or constituting a charge or incumbrance upon the property or not,

the instrument of transfer shall be chargeable with *ad valorem* duty calculated at the rates

specified under paragraph (a) of Item 32 in the First Schedule to this Ordinance upon either the value of the debt, stock or marketable security, as the case may be, or the market value of the property as on the date of execution, whichever be the greater.

(2) Where the consideration, or any part of the consideration, for a transfer of property consists of any security other than a marketable security, the instrument of transfer shall be chargeable with *ad valorem* duty calculated at the rates specified under paragraph (a) of Item 32 in the First Schedule to this Ordinance upon either the amount due upon the security for principal and interest or, in the case of a security given under a scheme of financing made according to the shariah, any sum due and payable in addition to the principal, or upon the market value of the property as on the date of execution, whichever be the greater.

(3) A conveyance on sale made for any consideration in respect whereof it is chargeable with *ad valorem* duty, and in further consideration of a covenant by the purchaser to make, or of his having previously made, any substantial improvement of or addition to the property transferred to him or of any covenant relating to the subject-matter of the transfer, is not chargeable, and shall be deemed not to have been chargeable, with any duty in respect of such further consideration.”.

Pindaan
seksyen 21.

13. Seksyen 21 Ordinan adalah dipinda dengan memotong subseksyen (4), (5) dan (6).

Pemotongan
seksyen 27.

14. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 27.

15. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 29. Pemotongan seksyen 29.

16. Seksyen 29A Ordinan adalah dipinda— Pindaan seksyen 29A.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “under item 21, 22 or 27 of” dengan perkataan-perkataan “within the meaning of paragraph (1) of Item 22 or paragraph (a) of Item 27 in”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one of the said items of charge” dengan perkataan-perkataan “either of the said paragraphs”; dan
- (c) dengan memotong semua perkataan yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan “is duly stamped”.

17. Seksyen 30 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “section 363 of the Merchant Shipping Ordinance 1952” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “or any corresponding provision in any other written law for the time being in force in Sabah or Sarawak”. Pindaan seksyen 30.

18. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 32 seksyen baru 32A yang berikut: Seksyen baru 32A.

“Obligation to execute contract note.

32A. (1) Any person who effects any sale or purchase of any stock or marketable security as a broker or agent, and any person who, by way of business—

- (a) deals or holds himself out as dealing as a principal in any stock or marketable security; and
- (b) buys or sells any stock or marketable security,

shall forthwith make and execute a contract note, and transmit the note to his principal, or to the vendor or purchaser of the stock or marketable security, as the case may be.

(2) No broker, agent or other person shall have any legal claim to any charge for brokerage, commission or agency with reference to the sale or purchase of any stock or marketable security if he fails to comply with the provisions of this section.”.

Pindaan
seksyen 33.

19. Seksyen 33 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “In the absence of an agreement to the contrary,”.

Pindaan
seksyen 36.

20. Seksyen 36 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “any instrument, whether executed or not and whether previously stamped or not,” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “any executed instrument, other than an instrument which by virtue of section 47 cannot be stamped after execution,”.

Pindaan
seksyen 40.

21. Seksyen 40 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujungnya dengan noktah bertindih dan memasukkan proviso yang berikut:

“Provided that the said period of fourteen days or any further period specified by the Collector or the Court may, on application made before the period or further period expires, be extended or further extended by the Collector or the Court, as the case may be.”.

Pindaan
seksyen 43.

22. Seksyen 43 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “(other than cheques drawn or made by the Government of the Republic of Singapore)” dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 44.

23. Seksyen 44 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 47” dengan perkataan-perkataan “section 47A”.

Pindaan
seksyen
baru 46.

24. Seksyen 46 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Transfers of shares” perkataan-perkataan “which are numbered”.

25. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 47.

“Stamping of instruments after execution.

47. Save where other express provision is made by this or any other Ordinance, any unstamped or insufficiently stamped instrument not being—

- (a) a bill of exchange, cheque or promissory note drawn or made within Malaysia; or
- (b) a receipt for money or other property the amount or value of which exceeds twenty ringgit,

may be stamped after execution on payment of the unpaid duty if the instrument is presented for stamping within thirty days of its execution if executed within Malaysia, or within thirty days after it has been first received in Malaysia if it has been executed out of Malaysia.”.

26. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 47 seksyen baru 47A yang berikut: Seksyen baru 47A.

“Penalty for late stamping.

47A. (1) An instrument which is not stamped within the period specified in or under section 40 or 47 may be stamped on payment in addition to the unpaid duty of a penalty of twenty-five ringgit or four times the amount of the deficient duty, whichever sum be the greater.

(2) The Collector may, if he thinks fit, reduce or remit any such penalty which does not exceed five hundred ringgit, and the Minister of Finance or any person authorised by him in that behalf may reduce or remit any such penalty which exceeds five hundred ringgit.”.

Pindaan
seksyen 48.

27. Seksyen 48 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 47” dengan perkataan-perkataan “section 47A”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “a stamp duly cancelled” perkataan-perkataan “or by means of an impressed stamp or, in the case of Sabah and Sarawak, by affixing an official receipt to the instrument”.

Pindaan
seksyen 49.

28. Seksyen 49 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 47” dengan perkataan-perkataan “section 47A”.

Pindaan
seksyen 51.

29. Seksyen 51 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “of a criminal court” dalam perenggan (a) proviso kepada subseksyen (2); dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “or Deputy Registrar” dalam perenggan (b) proviso itu.

Pindaan
seksyen 52.

30. Seksyen 52 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 47” dalam perenggan (a) proviso kepada subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “section 47A”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “part of the British Empire” dalam perenggan (c) proviso itu dengan perkataan-perkataan “other country”.

Pindaan
seksyen 53.

31. Seksyen 53 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 47” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “section 47A”.

32. Seksyen 57 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “six” di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (a) proviso dengan perkataan “twelve”. Pindaan seksyen 57.

33. Seksyen 58 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “six” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “twelve”. Pindaan seksyen 58.

34. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 59 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 59.

“Allowance, 59. In any case in which allowance is made for how to be spoiled, unused or misused stamps, the made. Collector shall give in lieu thereof the same value in money.”.

35. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 59 seksyen baru 59A yang berikut: Seksyen baru 59A.

“Stamp to 59A. For the purposes of sections 57 (f), 58 include official and 59, “stamp” includes an official receipt. receipt.”.

36. Seksyen 60 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “one hundred” dengan perkataan-perkataan “five hundred”. Pindaan seksyen 60.

37. Seksyen 61 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “five hundred” dengan perkataan-perkataan “two thousand five hundred”. Pindaan seksyen 61.

38. Seksyen 62 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “one hundred” dengan perkataan-perkataan “five hundred”. Pindaan seksyen 62.

39. Seksyen 63 Ordinan adalah dipinda— Pindaan seksyen 63.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “of two hundred and fifty” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “not exceeding one thousand five hundred”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "section 47" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "section 47A"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "The chargor or obligor" dalam ruang kedua di bawah subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "The chargee or obligee".

Penggantian
seksyen 64.

40. Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 64 dengan yang berikut:

"Penalty
for failure
to execute
and
transmit
contract
note.

64. Any person who, being required under section 32A of this Ordinance to make and execute a contract note and transmit the note as so required, refuses or neglects to make and execute the contract note or to so transmit the note shall be liable to a fine not exceeding one thousand five hundred ringgit."

Pindaan
seksyen 65.

41. Seksyen 65 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "five hundred" dengan perkataan-perkataan "two thousand five hundred".

Pemotongan
seksyen 66.

42. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 66.

Pindaan
seksyen 67.

43. Seksyen 67 Ordinan adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "three months" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "one month";
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "two hundred" dengan perkataan-perkataan "one thousand"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "five months" dalam proviso dengan perkataan-perkataan "three months".

Pindaan
seksyen 68.

44. Seksyen 68 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two hundred" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan "one thousand".

45. Seksyen 69 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two hundred and fifty” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “one thousand five hundred”. Pindaan seksyen 69.
46. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 70. Pemotongan seksyen 70.
47. Seksyen 71 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “one hundred” dengan perkataan-perkataan “one thousand”. Pindaan seksyen 71.
48. Seksyen 72 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two hundred” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “one thousand”. Pindaan seksyen 72.
49. Seksyen 74 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “five hundred” dengan perkataan-perkataan “five thousand”. Pindaan seksyen 74.
50. Seksyen 75 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Minister of Finance” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “Collector”. Pindaan seksyen 75.
51. Seksyen 82 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 82.
- “(a) to prescribe the revenue stamps to be issued under this Ordinance for the payment of stamp duty, to provide for matters relating to the issue and validity of such stamps, and to regulate the supply and sale of stamps, including revenue stamps, the persons by whom alone such sale is to be conducted, and the duties and remuneration of such persons;”.
52. Jadual Pertama kepada Ordinan adalah dipinda— Pindaan Jadual Pertama.
- (a) dengan memotong Butiran 4A;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "AGREEMENT FOR A CHARGE OR MORTGAGE," dalam Butiran 27 perkataan-perkataan "AGREEMENT FOR FINANCING UNDER THE SHARIAH,";
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "aggregate loans" dalam subperenggan (i) perenggan (a) Butiran 27 perkataan-perkataan "or of the aggregate financing under the shariah";
- (d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "where the loan is a foreign currency loan" dalam subperenggan (ii) perenggan (a) Butiran 27 perkataan-perkataan "or the financing was made according to the shariah in currencies other than the ringgit";
- (e) dengan memotong perenggan (f) Butiran 27;
- (f) dengan memotong perkataan-perkataan "(1) Lease or Agreement for Lease of any land, house or other immovable property granted or made:" dalam Butiran 49;
- (g) dengan memasukkan selepas sahaja subperenggan (e) Butiran 49 subperenggan baru (f) yang berikut:

"(f) In any other case \$10.00";
- (h) dengan memotong perenggan (2) Butiran 49 (yang tidak termasuk *Pengecualian*);
- (i) dengan memotong Butiran 56;
- (j) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Official Administrator" dalam perenggan 1 PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM perkataan-perkataan "(or, in the case of Sabah, as Administrator-General)";

- (k) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963" dalam perenggan 2 PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM perkataan-perkataan "or the Land Ordinance of Sabah or the Land Ordinance of Sarawak";
- (l) dengan memotong perkataan-perkataan "registered under the Imperial Merchant Shipping Acts or" dalam perenggan 3 PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM dan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "in force in" dalam perenggan itu perkataan-perkataan "any part of";
- (m) dengan memotong perkataan-perkataan "(other than cheques)" dalam perenggan 5 PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM; dan
- (n) dengan memotong perenggan 6, 7, 8 dan 9 PENGECUALIAN-PENGECUALIAN AM.

53. Jadual Kedua kepada Ordinan adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Kedua.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Reference" dalam tajuk bagi ruang pertama dengan perkataan "Item"; dan
- (b) dengan memotong Butiran 20 dan 21.

54. Jadual Ketiga kepada Ordinan adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Ketiga.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Reference" dalam tajuk bagi ruang pertama dengan perkataan "Item";
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja Butiran 4 Butiran baru 4A yang berikut:

"4A. CONTRACT NOTE—No. 31 . . . The person on whose account the purchase or sale is made."; dan

- (c) dengan memotong Butiran 9.

Jadual
Keenam
baru.

55. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Jadual Kelima Jadual Keenam baru yang berikut:

“SIXTH SCHEDULE

(Section 15A (3))

**PROVISIONS RELATING TO SUBSIDIARY COMPANIES
PROVISIONS FOR DETERMINING AMOUNT OF CAPITAL
HELD THROUGH OTHER COMPANIES**

1. Where, in the case of a number of companies, the first directly owns issued share capital of the second and the second directly owns issued share capital of the third, then, for the purposes of this Schedule, the first shall be deemed to own issued share capital of the third through the second, and, if the third directly owns issued share capital of a fourth, the first shall be deemed to own issued share capital of the fourth through the second and the third, and the second shall be deemed to own issued share capital of the fourth through the third, and so on.

2. In this Schedule—

- (a) any number of companies of which the first directly owns issued share capital of the second and the second directly owns issued share capital of the third and so on, and, if they are more than three, any three or more of them, are referred to as a “series”;
- (b) in any series—
 - (i) that company which owns issued share capital of another through the remainder is referred to as “the first owner”;
 - (ii) that other company the issued share capital of which is so owned is referred to as “the last owned company”;
 - (iii) the remainder, if one only, is referred to as an “intermediary” or, if more than one, as “a chain of intermediaries”;
- (c) a company in a series which directly owns issued share capital of another company in the series is referred to as an “owner”;
- (d) any two companies in a series of which one owns issued share capital of the other directly, and not through one or more of the other companies in the series, are referred to as being directly related to one another.

3. Where every owner in a series owns the whole of the issued share capital of the company to which it is directly related, the first owner shall be deemed to own through the intermediary or chain of intermediaries the whole of the issued share capital of the last owned company.

4. Where one of the owners in a series owns a fraction of the issued share capital of the company to which it is directly related, and every other owner in the series owns the whole of the issued share capital of the company to which it is directly related, the first owner shall be deemed to own that fraction of the issued share capital of the last owned company through the intermediary or chain of intermediaries.

5. Where—

- (a) each of two or more of the owners in a series owns a fraction, and every other owner in the series owns the whole, of the issued share capital of the company to which it is directly related; or
- (b) every owner in a series owns a fraction of the issued share capital of the company to which it is directly related,

the first owner shall be deemed to own through the intermediary or chain of intermediaries such fraction of the issued share capital of the last owned company as results from the multiplication of those fractions.

6. Where the first owner in any series owns a fraction of the issued share capital of the last owned company in that series through the intermediary or chain of intermediaries in that series, and also owns another fraction or other fractions of the issued share capital of the last owned company, either—

- (a) directly; or
- (b) through an intermediary or intermediaries which is not a member or are not members of that series; or
- (c) through a chain or chains of intermediaries of which one or some or all are not in that series; or
- (d) in a case where the series consists of more than three companies, through an intermediary or intermediaries which is a member or are members of the series, or through a chain or chains of intermediaries consisting of some but not all of the companies of which the chain of intermediaries in the series consist,

then, for the purpose of ascertaining the amount of the issued share capital of the last owned company owned by the first owner, all those fractions shall be aggregated and the first owner shall be deemed to own the sum of those fractions.”.

Perluasan
Ordinan
ke seluruh
Malaysia.

56. Ordinan, sebagaimana dipinda, adalah diperluaskan untuk berkuatkuasa di seluruh Malaysia.

Pemansuhan
dan
kecualian.

57. (1) Undang-undang bertulis yang disebut dalam Jadual adalah dimansuhkan setakat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual tersebut.

(2) Apa-apa perundangan subsidiari, perlantikan atau pengecualian yang dibuat atau diberi di bawah undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh seksyen ini, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Ordinan, hendaklah terus berkuatkuasa sehingga digantikan dengan apa-apa perundangan subsidiari, perlantikan atau pengecualian yang dibuat atau diberi di bawah Ordinan, dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan telah dibuat di bawahnya.

JADUAL (Seksyen 57)

PEMANSUHAN

Rujukan	Tajuk	Takat Pemansuhan
Bab 137 ..	Ordinan Setem Sabah	Keseluruhan kecuali seksyen 83
Bab 32... ..	Ordinan Setem Sarawak	Keseluruhan
Akta 26/62 ..	Akta Setem (Syer Yang Tidak Bernombor) 1962	Keseluruhan

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menyatukan undang-undang mengenai Duti Setem. Adalah dicadangkan bahawa Ordinan Setem 1949, yang kini terpakai hanya di Malaysia Barat, diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan bahawa Ordinan Setem, Sabah (Bab 137), Ordinan Setem, Sarawak (Bab 32) dan Akta Setem (Syer Yang Tidak Bernombor) 1962 (Akta 26/62) dimansuhkan. Ia juga bertujuan mengemaskinikan undang-undang dengan menghapuskan istilah-istilah dan peruntukan-peruntukan yang tidak lagi relevan atau bererti, memperuntukkan relief tambahan daripada duti bagi pertubuhan-pertubuhan perbadanan, memberi pengiktirafan tentang pemakaian hukum Syarak dan menambahkan skala penalti dan denda bagi kesalahan-kesalahan.

2. *Fasal 2* meminda seksyen 2 yang bertujuan—

- (i) memotong takrif bagi istilah-istilah tertentu yang penggunaannya telah menjadi tak perlu, tak sesuai atau usang;
- (ii) meminda atau mengubahsuai takrif-takrif tertentu untuk memberikan pengiktirafan wajar kepada perubahan-perubahan dari segi peristilahan atau konsep yang terdapat dalam perundangan-perundangan yang berkaitan; dan
- (iii) memasukkan takrif “official receipt” yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada takrif “duly stamped”.

3. *Fasal 3* meminda seksyen 3 bagi mengadakan peruntukan bahawa Ketua Pengarah hendaklah menjadi Pemungut Duti Setem dan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Timbalan-Timbalan Pemungut Duti Setem.

4. *Fasal 4* meminda seksyen 5A dengan membuat rujukan kepada pembiayaan yang dibuat mengikut hukum Syarak. Ia bertujuan memberi faedah kepada peniaga kecil yang mungkin hendak mendapatkan pembiayaan mengikut hukum Syarak kerana suratcara yang diindorskan oleh pihak berkuasa yang telah diluluskan oleh Menteri mengikut seksyen 5A akan dikenakan kadar duti yang rendah.

5. *Fasal 5* menambahkan satu proviso baru kepada subseksyen (1) seksyen 7 yang membenarkan pembayaran duti setem di Sabah dan Sarawak ditunjukkan telah dibuat dengan mengepilkan resit rasmi kepada suratcara. Ini adalah alternatif kepada menandakan pembayaran duti setem telah dibuat dengan cara melekatkan setem.

Fasal ini juga menggantikan subseksyen (2) seksyen 7 dengan peruntukan baru yang menyatakan bahawa setem yang akan digunakan sebagai tanda sudah berbayarnya duti setem hendaklah setem hasil yang sah yang dikeluarkan di bawah Ordinan.

6. *Fasal 6* meminda seksyen 9 dengan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan membenarkan mana-mana broker saham dan mana-mana penanggung insurans untuk membuat pembayaran berkompauan akaun duti yang masing-masingnya kena dibayar bagi nota kontrak dan polisi insurans.

7. Pindaan-pindaan yang dibuat oleh *fasal 7* dan *8* bertujuan menyusun semula kedudukan tajuk “Valuation for Duty” dan menggantikan sebutan mengenai matawang Malaysia dengan sebutan mengenai ringgit.

8. *Fasal 9* memasukkan seksyen baru 14A yang, selaras dengan seksyen 14 yang terpakai bagi suratcara-suratcara yang merizabkan bunga, memperuntukkan bahawa duti atas sekuriti yang menjamin pembayaran balik wang di bawah suatu skim pembiayaan mengikut hukum Syarak akan hanya dikira berdasarkan amaun pokok.

9. *Fasal 10* bertujuan membenarkan seseorang peguambela Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak membuat akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemungut Duti Setem yang berhubungan dengan tuntutan mendapatkan pengecualian berkaitan dengan sesuatu skim penyusunan semula syarikat atau penyatuan syarikat-syarikat.

10. *Fasal 11* memasukkan seksyen baru 15A yang bertujuan mengecualikan suratcara-suratcara mengenai pemindahan harta syarikat di antara syarikat-syarikat yang berkaitan rapat daripada pembayaran duti setem, jika pemindahan itu sebenarnya akan melibatkan lebih sedikit daripada perubahan pada pemunyaan yang nominal akan harta yang sedang dipindahkan kerana kawalan asas tetap tak berubah. Adapun tujuan pindaan ini ialah untuk membenarkan syarikat-syarikat melakukan pemindahan aset dalam lingkungan struktur kumpulan itu juga, tanpa melibatkan kos yang substansial dengan membuat bayaran duti setem ke atas suratcara-suratcara pemindahan.

11. *Fasal 12* menggantikan seksyen 17 dengan satu peruntukan baru yang membenarkan pengenaan duti *ad valorem* ke atas suratcara-suratcara pemindahan harta mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Butiran 32 (a) Jadual Pertama, jika balasannya terdiri daripada saham, sekuriti boleh dipasarkan atau sekuriti tak boleh dipasarkan.

12. *Fasal 13* yang memotong subseksyen (4), (5) dan (6) seksyen 21 merupakan satu langkah mencegah pengelakan yang bermaksud menghalang peruntukan-peruntukan itu daripada digunakan untuk mengelakkan pembayaran duti *ad valorem* yang biasanya tetap kena dibayar ke atas kontrak-kontrak jualan yang tertentu.

13. Kadar duti yang akan dikenakan ke atas suratcara penyelesaian telah diperuntukkan melalui suatu pindaan di bawah Akta Kewangan (No. 2) 1982. Dengan itu seksyen 27 yang dikira usang dipotong oleh *fasal 14*.

14. Peruntukan-peruntukan seksyen 29 yang ada membenarkan dikenakan duti nominal ke atas sekuriti-sekuriti utama yang tertentu bagi wang-wang, berbeza dengan peruntukan-peruntukan lain yang menghendaki dikenakan duti *ad valorem* ke atas jenis-jenis sekuriti utama yang biasa. *Fasal 15* memotong seksyen 29 untuk menyeragamkan pengenaan duti ke atas sekuriti-sekuriti utama.

15. *Fasal 16* meminda seksyen 29A dengan tujuan mengadakan langkah yang lebih berkesan terhadap pengelakan pembayaran duti *ad valorem* ke atas sekuriti utama melalui perantaraan suratcara sekuriti pertengahan yang berasaskannya hanya duti nominal sahaja yang akan berbangkit.

16. Maksud pindaan kepada seksyen 30 melalui *fasal 17* adalah untuk memastikan keesahan polisi insurans laut yang dikeluarkan di bawah undang-undang relevan Negeri Sabah dan Sarawak.

17. Walaupun Nota Kontrak dijadikan suratcara berduti dengan pemasukannya ke dalam Jadual Pertama kepada Ordinan, terdapat ketinggalan untuk memasukkan peruntukan yang menghendaki tiap-tiap broker saham membuat dan melaksanakan suatu nota kontrak. *Fasal 18* memasukkan seksyen baru 32A yang memperbetulkan ketinggalan ini.

18. Peruntukan-peruntukan seksyen 33 yang ada membolehkan seseorang mengelak daripada membayar duti melalui suatu perjanjian yang menurut perjanjian itu orang yang dikecualikan daripada duti setem bersetuju menanggung belanja yang berhubungan dengan duti setem. *Fasal 19* meminda seksyen 33 dengan tujuan untuk mencegah amalan ini.

19. Peruntukan-peruntukan seksyen 36 yang ada membenarkan permohonan untuk diputuskan duti yang kena dibayar ke atas apa-apa suratcara, termasuk suratcara tak sempurna dilaksanakan. *Fasal 20* meminda seksyen 36 dengan memperuntukkan bahawa permohonan untuk diputuskan duti hanyalah diberi berkenaan dengan suratcara sempurna dilaksanakan sahaja kecuali jika suratcara itu tidak berkebolehan disetamkan selepas pelaksanaan.

20. *Fasal 21* memasukkan satu proviso kepada seksyen 40 yang bertujuan membenarkan dilanjutkan atau dilanjutkan lagi tempoh penyeteman sesuatu suratcara yang disebut dalam seksyen itu.

21. Pindaan kepada seksyen 43 melalui *fasal 22* memotong fasal kecualian yang berhubungan dengan cek-cek yang dikeluarkan atau dibuat oleh Kerajaan Singapura, yang dikira tidak sesuai lagi.

22. Pindaan kepada seksyen 44 melalui *fasal 23* adalah pindaan berbangkit berikutan dengan pindaan kepada seksyen 47.

23. *Fasal 24* bertujuan memastikan bahawa seksyen 46 yang memperkatakan tentang penyeteman pemindahan-pemindahan syer terpakai hanya bagi syer-syer yang bernombor.

24. *Fasal 25* menggantikan seksyen 47 dengan satu peruntukan baru yang menurutnya sebutan mengenai surat kuasa wakil atau surat wakil di dalamnya dipotong kerana ia dikira sudah usang dan peruntukan-peruntukan penalti kerana penyeteman lewat terkandung di dalam seksyen baru 47A yang dimasukkan melalui *fasal 26*.
25. *Fasal 27* meminda seksyen 48 dengan membenarkan pembayaran penalti ditandakan telah dibuat bukan sahaja dengan setem berkensel sewajarnya tetapi juga dengan cara setem tertera atau melalui resit rasmi.
26. Pindaan yang dibuat kepada seksyen 49 melalui *fasal 28* adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 47.
27. *Fasal 29* memotong sebutan-sebutan mengenai "Criminal Court" dan "Deputy Registrar" masing-masingnya dalam seksyen 51 (2) (a) dan 51 (2) (b) yang dikira berlebihan dan tak perlu.
28. *Fasal 30* menggantikan sebutan mengenai seksyen 47 dengan sebutan mengenai seksyen 47A dalam perenggan (a) proviso kepada subseksyen (1) seksyen 52 dan juga menggantikan perkataan-perkataan "part of the British Empire" dengan "other country" dalam perenggan (c) proviso tersebut.
29. Pindaan kepada seksyen 53 melalui *fasal 31* adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 47.
30. *Fasal 32* bertujuan melanjutkan tempoh bagi membuat permohonan mendapatkan relief kepada Pemungut berkenaan dengan setem rosak di bawah seksyen 57 daripada enam bulan kepada dua belas bulan.
31. *Fasal 33* bertujuan melanjutkan tempoh bagi membuat permohonan berkenaan dengan setem salah pakai di bawah seksyen 58 daripada enam bulan kepada dua belas bulan.
32. *Fasal 34* meminda seksyen 59 dengan menyekat pembayaran sebagai ganti elaun yang dibuat bagi setem rosak, tak pakai atau salah pakai kepada bayaran wang.
33. *Fasal 35* memasukkan seksyen baru 59A yang mentakrifkan "stamp" sebagai termasuk resit rasmi bagi maksud seksyen-seksyen tertentu untuk mencerminkan amalan di Sabah dan Sarawak di mana pembayaran duti boleh ditandakan melalui resit rasmi.
34. *Fasal 36, 37 dan 38* menambahkan denda maksimum yang masing-masingnya diperuntukkan dalam seksyen 60, 61 dan 62.

35. *Fasal 39* meminda seksyen 63 dengan menambahkan denda maksimum dalam subseksyen (1), dengan menggantikan nombor "47" dalam subseksyen (2) dengan "47A" dan dengan menggantikan sebutan-sebutan salah mengenai "chargor" dan "obligor" dalam subseksyen (4) dengan "chargee" dan "obligee".

36. *Fasal 40* memotong peruntukan-peruntukan seksyen 64 yang ada yang dikira tak perlu berikutan dengan pemotongan butiran 8 dalam Jadual Pertama oleh Akta Kewangan (No. 2) 1982. Seksyen baru 64 yang dimasukkan memperuntukkan penalti kerana enggan membuat dan melaksanakan nota kontrak sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 32A.

37. *Fasal 41* menambahkan penalti bagi menunda tarikh bil-bil dalam seksyen 65.

38. *Fasal 42* memotong seksyen 66, yang dikira tak perlu berikutan dengan pemotongan butiran 59 dalam Jadual Pertama oleh Akta Kewangan (No. 2) 1982.

39. *Fasal 43, 44 dan 45* menambahkan penalti yang masing-masingnya diperuntukkan dalam seksyen 67, 68 dan 69, manakala *fasal 47, 48 dan 49* menambahkan penalti yang masing-masingnya diperuntukkan dalam seksyen 71, 72 dan 74.

40. Seksyen 70 dipotong oleh *fasal 46* yang dikira tak perlu berikutan dengan pemotongan butiran 80 dalam Jadual Pertama oleh Akta Kewangan (No. 2) 1982.

41. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan dalam seksyen 75 diberikan kepada Pemungut melalui *fasal 50*.

42. *Fasal 51* bertujuan membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan pengeluaran setem hasil dan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan keesahannya.

43. *Fasal 52* meminda sebilangan peruntukan-peruntukan di bawah Jadual Pertama. Pindaan-pindaan itu, antara lain, membuat peruntukan mengenai pengenaan duti ke atas sekuriti-sekuriti yang dibuat mengikut undang-undang biasa dan di bawah hukum Syarak yang akan diperkatakan di bawah satu butiran.

44. *Fasal 53* memotong butiran 20 dan 21 di bawah Jadual Kedua yang dikira tak perlu berikutan dengan pemotongan butiran 72 dan 80 di bawah Jadual Pertama oleh Akta Kewangan (No. 2) 1982.

45. *Fasal 54* yang meminda Jadual Ketiga memasukkan butiran baru 4A yang berhubungan dengan Nota-Nota Kontrak yang berkenaan dengannya orang yang bagi pihaknya pembelian atau penjualan itu dibuat.

46. *Fasal 55* memasukkan Jadual Keenam baru yang ada hubungan dengan seksyen baru 15A. Peruntukan-peruntukan di bawah Jadual Keenam menerangkan dengan terperinci bagaimana pemunyaan, atau amaun modal yang dipegang dalam, anak syarikat atau syarikat bersekutu ditentukan.

47. *Fasal 56* bertujuan memperluaskan Ordinan ke seluruh Malaysia manakala *fasal 57* memansuhkan Ordinan Setem Sarawak, Akta Setem (Syer Yang Tidak Bernombor) 1962, dan Ordinan Setem Sabah kecuali seksyen 83 di dalamnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1450.]

